

Rujukan Kami: UMP.03.05/11.17/1/1 (15)

Tarikh: 30 Mac 2020

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,  
YH Dato'/Profesor/Tuan/Puan,

**POTONGAN GAJI BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN DAN PEMBIAYAAN BANK BAGI  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mengambil kira pengumuman YB Perdana Menteri berkaitan Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) akibat kesan wabak penyakit COVID-19 kepada ekonomi negara, UMP akan menangguhkan secara AUTOMATIK semua potongan gaji staf yang melibatkan bayaran balik pinjaman PTPTN dan Pembiayaan Bank termasuk yang melalui ANGKASA selama enam (6) bulan berkuatkuasa April 2020 sehingga September 2020 selaras dengan pengumuman Bank Negara Malaysia berkaitan Moratorium Pembayaran Pinjaman.

3. Penangguhan ini adalah secara AUTOMATIK dan staf tidak perlu membuat sebarang permohonan. Mana-mana staf yang TIDAK SETUJU, staf hendaklah menghubungi dan memaklumkan kepada pihak bank termasuk menghantar email ke [wages@ump.edu.my](mailto:wages@ump.edu.my) selewat-lewatnya Isnin, 6 April 2020 pukul 5.00 petang. Mana-mana email yang diterima lewat, tidak akan diproses dan staf dikehendaki membuat bayaran sendiri kepada bank berkenaan atau PTPTN. Format email kepada [wages@ump.edu.my](mailto:wages@ump.edu.my) adalah seperti berikut:

**POTONGAN GAJI PTPTN DAN PEMBIAYAAN BANK UMP**


Saya, <Nama Penuh>, <No ID> TIDAK BERSETUJU penangguhan potongan gaji  
<Kod Potongan Gaji> mulai April 2020 sehingga September 2020.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi En Sapri Bin Abdul Kassim @ Hasan di talian 012-9515313 atau email [wages@ump.edu.my](mailto:wages@ump.edu.my).

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menandatangani amanah,



**(ZAINUDIN BIN OTHMAN)**

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (UMP)  
Universiti Malaysia Pahang

s.k Naib Canselor

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi